

eNEWS LETTER

www.eghrmis.com.my

EDISI TERKINI

- Program HRMIS User Group Summit (HUGS)
- Change Journey Edisi 7 Okt - Dis 2024
- Pertandingan Nama Dan Logo Bagi Pelaksanaan Sistem Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam (HRM) Baharu
- Video Tutorial Modul MyPerformance - Sub Modul Kompetensi Fungsian
- Penambahbaikan MYPERFORMANCE - Jadual Penilaian Secara Berpusat
- Penambahbaikan Di Sub Modul Cuti - Fungsi Permohonan Cuti Tanpa Rekod (CTR) Kelompok Di HRMIS 2.0
- Laporan Pelaksanaan Program SHARE HRMIS Tahun 2025

CHANGE JOURNEY

- Change Journey Edisi 7 bagi bulan Oktober hingga Disember 2024 telah diterbitkan dan dimuat naik ke laman Portal HRMIS di bawah tab Penerbitan dan boleh dicapai di pautan:
<https://docs.jpa.gov.my/docs/hrmis/CHANGE-JOURNEY-EDISI-7/>



CHANGE JOURNEY EDISI 7

SEGMENT UTAMA HRM BAHARU:

Model Latihan HRM Baharu

Model Latihan HRM Baharu merupakan satu model yang merangkumi fasa pembelajaran, kaedah pembelajaran dan juga unsur-unsur sokongan seperti people, module dan material.

People- merujuk kepada peserta latihan iaitu:

- a. Latihan Teknikal: Kumpulan Pengurusan Atasan, Kumpulan Pegawai Teknikal dan Kumpulan Subject Matter Expert (SME)/ Pemilik Proses JPA. Latihan Pentadbir Sistem dan Train The Trainer (TTT) Change Agent (CA), Key Users, Pentadbir Sistem dan Pengurus Sumber Manusia.

Module- Merujuk kepada modul latihan bagi Latihan Teknikal serta Latihan Pentadbir Sistem dan Train The Trainer (TTT)

Material – Merujuk kepada bahan pembelajaran yang akan disediakan iaitu:

- a. Alat bantu mengajar seperti Kit Latihan dan Quick Guide;
- b. Manual pengguna bagi 35 modul yang boleh diakses oleh pengguna melalui Portal HRM Baharu;
- c. Bahan kursus Digital bagi 35 Modul Sistem HRM Baharu yang boleh diakses melalui EPSA; dan
- d. Sinopsis Ringkas Berformat Video (Teaser) bagi setiap bahan kursus yang dibangunkan yang boleh diakses melalui EPSA.

PROGRAM PERSIDANGAN SUMBER MANUSIA HRMIS (PerSIS) 2025

Program Persidangan Sumber Manusia HRMIS (PerSIS) Tahun 2025 telah berlangsung pada 27 Februari 2025 (Khamis) di Dewan Kenyir (Wing 5), Hotel DoubleTree by Hilton Putrajaya. Program ini telah dijenamakan semula daripada nama asal iaitu HRMIS User Group Summit (HUGS) kepada Persidangan Sumber Manusia HRMIS (PerSIS) yang telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), YBrs. Encik Suhaimi Bin Saudi.

Program ini telah dihadiri oleh seramai 272 peserta meliputi Duta HRMIS dari pelbagai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK). Ianya memfokuskan kepada beberapa slot taklimat iaitu Penyediaan Waran Perjawatan (WP) Secara Zero Based oleh Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Implikasi Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) Dalam HRMIS 2.0 oleh BDTM dan Pelaksanaan Zero-Based Dalam HRMIS 2.0 yang juga disampaikan oleh BDTM.



PERTANDINGAN NAMA DAN LOGO BAGI PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM (HRM) BAHARU

Pertandingan Mencipta Nama Dan Logo Bagi Pelaksanaan Sistem Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam (HRM) Baharu telah berlangsung pada 17 Februari 2025 hingga 21 Mac 2025. Pertandingan ini bertujuan untuk mendapatkan idea yang kreatif, menarik dan sesuai dengan ciri-ciri Sistem HRM Baharu. Ia juga sinonim dengan perubahan sistem yang menyeluruh dan bersepadu serta mengambil kira perubahan nama dan logo dalam usaha memperkenalkan identiti baharu yang mencerminkan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRM Baharu) di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sebanyak 183 peserta dari kalangan penjawat awam telah menyertai pertandingan ini. Penilaian dan pemilihan sebanyak 11 peserta terbaik akan dilaksanakan oleh Panel Juri pada akhir bulan April 2025.

PERTANDINGAN MENCIPTA NAMA DAN LOGO HRM BAHARU

TEMPOH PENYERTAAN

17 FEB 2025 - 21 MAC 2025

11.59 PM (21 MAC 2025)

HADIAH LUMAYAN MENANTI ANDA

KLIK & SCAN SYARAT PENYERTAAN

PERTANDINGAN INI TERBUKA KEPADA SEMUA PENJAWAT AWAM

MALAYSIA MADANI

Change Management HRMIS JPA | Irmis2all | Pasukan Promosi HRMIS JPA | Change Management HRMIS JPA | <https://spm.jpa.gov.my>

VIDEO TUTORIAL HRMIS 2.0

MODUL MYPERFORMANCE

- Pada 10 Januari 2025, Jabatan Perkhidmatan Awam telah menerbitkan 1 Video Tutorial HRMIS berkaitan Modul MyPerformance bagi Sub Modul Kompetensi Fungsian. Video tersebut boleh diakses melalui pautan Video Tutorial Modul MyPerformance - Sub Modul Kompetensi Fungsian <https://youtu.be/vogFIVJbtFA>



PENAMBAHBAIKAN MYPERFORMANCE HRMIS 2.0

JADUAL PENILAIAN SECARA BERPUSAT

Terdapat dua penambahbaikan submodul MyPerformance HRMIS 2.0 yang melibatkan Jadual Penilaian secara berpusat iaitu:

- a) Jadual Penilaian Prestasi; dan
- b) Jadual Sesi Penilaian Nilai Sepunya

Tujuan penambahbaikan ini dibuat adalah untuk:

- a) Memaklumkan tempoh pelaksanaan MyPerformance bermula tahun 2025 adalah secara berpusat. Hanya pihak JPA sahaja dibenarkan untuk selenggara Jadual Penilaian Prestasi; dan
- b) Jadual Sesi Penilaian Sepunya ditetapkan bermula 1 Januari hingga 30 Jun tahun berikutnya

PENAMBAHBAIKAN DI SUB MODUL CUTI HRMIS 2.0

FUNGSI PERMOHONAN CUTI TANPA REKOD (CTR) KELOMPOK

Terdapat penambahbaikan di HRMIS melibatkan Permohonan bagi CTR Kelompok di HRMIS telah diperluaskan kepada jenis cuti seperti dibawah:

- Cuti Keagamaan – bermula 12 Disember 2024;
- Cuti Perayaan (merangkumi Good Friday, Deepavali, Hari Raya Haji Kedua, dan Thaipusam) – bermula 5 Februari 2025;
- Cuti Aktiviti Khidmat Masyarakat – bermula 12 Februari 2025;
- Cuti Menjaga Ahli Keluarga Sakit – bermula 12 Februari 2025; dan
- Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat – bermula 12 Februari 2025

Penambahbaikan ini telah dihebahkan kepada semua Duta HRMIS pada 3 Mac 2025

LAPORAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PROGRAM SHARE HRMIS TAHUN 2025

- Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah melaksanakan Program SHARE HRMIS Tahun 2025 bagi memberi latihan dan pendedahan kepada Pentadbir HRMIS Agensi serta Pemilik Kompetensi (CO) bagi meningkatkan lagi tahap pemahaman berkaitan HRMIS. Sebanyak 18 siri latihan HRMIS secara dalam talian telah dirancang sepanjang tahun 2025 dan sebanyak 4 siri latihan telah diadakan sehingga Mac 2025 .

PERANCANGAN DAN PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROGRAM SHARE TAHUN 2025



PERANCANGAN

BIL	KAEDAH LATIHAN	HRMIS
1	DALAM TALIAN	18

PENCAPAIAN



DALAM TALIAN
4 SIRI

HRMIS

• MyPerformance (4 siri)

Sehingga Mac 2025 sebanyak 4 siri pelaksanaan Program SHARE HRMIS telah dilaksanakan



#SeiringSepakat
#KetepatanDataAspirasiKita



Change
Management
HRMIS JPA



hrmis2all



Pasukan
Promosi HRMIS
JPA



Change
Management
HRMIS JPA



<https://spmb.jpa.gov.my>